

**BLANK PAGE**

## IMBUHAN (20 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Tahukah kamu bagaimana keadaan pusat-pusat penjaja pada masa dahulu? **(1)**\_\_\_\_\_ pusat penjaja pada waktu itu terletak di tepi-tepi jalan raya, lorong-lorong atau tanah-tanah lapang. Warung-warung tidak **(2)**\_\_\_\_\_, kerusi mejanya berselerakan dan lantainya kotor. Keselesaan **(3)**\_\_\_\_\_ yang makan di situ juga tidak diutamakan. Mereka hanya berbumbungkan kanvas yang **(4)**\_\_\_\_\_ di antara sebuah warung dengan sebuah warung yang lain.

Peniaga-peniaga pula tidak **(5)**\_\_\_\_\_ kebersihan. Sisa-sisa makanan dibuang sembarangan oleh sebab sikap **(6)**\_\_\_\_\_ mereka. Tambahan pula, dengan tidak adanya sistem **(7)**\_\_\_\_\_ air yang tetap dan mencukupi, situasi bertambah teruk. Makanan-makanan yang dihidangkan **(8)**\_\_\_\_\_ kepada habuk dan asap dari kenderaan-kenderaan yang lalu di kawasan itu.

Untuk **(9)**\_\_\_\_\_ masalah-masalah ini, pihak Kementerian Persekitaran harus mengambil tindakan. Mereka **(10)**\_\_\_\_\_ untuk memindahkan pusat-pusat penjaja ini ke tempat-tempat lain. Kawasan baharu ini lebih selesa dan lengkap dengan segala kemudahan moden.

- |           |                                   |                                 |
|-----------|-----------------------------------|---------------------------------|
| <b>1</b>  | (1) Banyakkan<br>(3) Sebanyak     | (2) Kebanyakan<br>(4) Terbanyak |
| <b>2</b>  | (1) aturan<br>(3) peraturan       | (2) beraturan<br>(4) teratur    |
| <b>3</b>  | (1) berlanggan<br>(3) melanggan   | (2) langganan<br>(4) pelanggan  |
| <b>4</b>  | (1) bercantum<br>(3) dicantumkan  | (2) cantuman<br>(4) mencantum   |
| <b>5</b>  | (1) amalan<br>(3) mengamalkan     | (2) beramal<br>(4) pengalaman   |
| <b>6</b>  | (1) kelalaian<br>(3) pelalaian    | (2) melalaikan<br>(4) terlalai  |
| <b>7</b>  | (1) bekalan<br>(3) membekalkan    | (2) berbekal<br>(4) pembekalan  |
| <b>8</b>  | (1) dedahan<br>(3) pendedahan     | (2) mendedahkan<br>(4) terdedah |
| <b>9</b>  | (1) atasan<br>(3) pengatasan      | (2) mengatasi<br>(4) teratas    |
| <b>10</b> | (1) bercadang<br>(3) mencadangkan | (2) cadangan<br>(4) pencadang   |

## PERIBAHASA (10 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Puan Sery, 43 tahun, menjadi juara dalam satu pertandingan untuk menghargai jasa ibu tunggal.</p> <p>Apabila ditemuramah, Puan Sery akur bahawa tanggungjawab seorang ibu yang bekerja agak berat. Dia perlu <b>(11) tabah</b>. Dia menyatakan bahawa tidak mudah untuk dia menjaga anak-anak di rumah selepas penat balik dari kerja. Dia harus <b>(12) cari jalan</b> untuk menyelesaikan masalah keluarganya.</p> <p>Selepas kehilangan suaminya, Puan Sery merupakan <b>(13) sumber kekuatan</b> keluarganya. Banyak dugaan yang harus dilaluinya. Dia <b>(14) banting tulang</b> untuk menyara keluarganya dengan bekerja pada waktu siang dan belajar secara sambilan pada waktu malam.</p> <p>Puan Sery bernasib baik kerana telah mendapat bantuan daripada jiran-jirannya. Mereka berpendapat Puan Sery seorang yang <b>(15) ringan mulut</b> dan tidak bongkak.</p> <p>Apabila namanya diumumkan, Puan Sery berasa amat bangga. Dia berharap agar kejayaannya dapat dicontohi oleh masyarakat.</p>	<p><b>11</b> (1) baik budi (2) tahan hati (3) berani mati (4) tangan kosong</p> <p><b>12</b> (1) meminta pertolongan (2) mencuba sedaya upaya (3) berikhtiar mengatasi masalah (4) bertanya untuk mendapatkan penyelesaian</p> <p><b>13</b> (1) putih hati (2) tajam ingatan (3) perah tenaga (4) tulang belakang</p> <p><b>14</b> (1) kerja keras dengan rajin (2) kerja keras dengan ikhlas (3) kerja keras dengan bersungguh-sungguh (4) kerja keras dengan bermati-matian</p> <p><b>15</b> (1) adil (2) baik (3) jujur (4) peramah</p>
---	--

## GOLONGAN KATA (10 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Husin mengira duit simpanan di dalam tabungunya. Dia teringat akan beberapa buah buku cerita idamannya. Sudah lama Husin hendak membeli buku-buku itu. Dia meminta ayahnya untuk membawanya <b>(16)</b>_____ kedai buku di pusat membeli-belah yang berdekatan dengan rumah mereka.</p> <p>Apabila tiba di kedai buku, Husin pun memilih buku cerita yang diinginkannya. Ayahnya mengingatkannya agar <b>(17)</b>_____ supaya duit simpanannya itu tidak habis. Husin berjanji untuk mendengar <b>(18)</b>_____ ayahnya itu.</p> <p>Husin berhati-hati memilih buku yang hendak dibeli. Setelah memilih tiga buah buku, dia pun pergi ke kaunter untuk membuat <b>(19)</b>_____. Husin mengajak ayahnya pulang. Husin rasa senang hati kerana dapat membeli buku-buku idamannya dengan duitnya sendiri.</p> <p>Dia juga <b>(20)</b>_____ kerana masih mempunyai baki wang setelah membeli buku-buku tadi. Wang itu akan disimpannya di dalam bank.</p>	<p><b>16</b> (1) di (2) ke (3) dari (4) pada</p> <p><b>17</b> (1) berjimat (2) beramal (3) berbelanja (4) bergembira</p> <p><b>18</b> (1) kisah (2) nasihat (3) gelagat (4) teladan</p> <p><b>19</b> (1) aduan (2) teguran (3) bayaran (4) tempahan</p> <p><b>20</b> (1) letih (2) resah (3) kecewa (4) gembira</p>
---	---

## KEFAHAMAN 1 (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Binatang-binatang liar penuh dengan keistimewaan. Keistimewaan binatang-binatang liar ini dikagumi manusia. Namun sayang, binatang-binatang liar ini menghadapi ancaman pupus dari muka bumi ini.

Seperti yang kita ketahui, hutan menjadi tempat tinggal, tempat membiak dan tempat mencari makanan bagi binatang-binatang liar. Malangnya, banyak hutan belantara telah dimusnahkan untuk dijadikan kawasan tanam-tanaman, kawasan perusahaan dan tempat kediaman. Binatang-binatang liar ini terpaksa berpindah ke tempat lain, mati **kebuluran**, ditangkap, dianiaya atau dibunuh oleh manusia kerana memasuki kawasan kediaman mereka. Manusia juga memburu dan membunuh binatang-binatang liar untuk mendapatkan daging, tanduk, kulit dan bulunya.

Walaupun banyak negara telah mengharamkan kegiatan memburu binatang-binatang liar ini tetapi perbuatan kejam ini masih berleluasa. Kebakaran yang sering berlaku di hutan-hutan juga menjadi punca berkurangnya binatang-binatang liar ini. Peperangan, bencana alam serta pencemaran udara dan air pula telah meragut nyawa berjuta-juta ekor binatang liar.

Banyak negara di dunia telah mengambil langkah-langkah tegas bagi melindungi kehidupan liar ini. Perkara ini penting untuk memastikan **mereka** tidak akan pupus. Di antara langkah-langkahnya ialah dengan menempatkan binatang-binatang liar itu di taman-taman negara dan hutan-hutan simpanan. Binatang-binatang yang terdapat di kawasan seperti ini dilindungi undang-undang. Di Singapura juga terdapat hutan simpanan. Walaupun kawasannya tidak luas, tempat ini selamat bagi beberapa jenis mergastua.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

- 21** Kewujudan binatang-binatang liar menghadapi ancaman pupus kerana binatang-binatang ini \_\_\_\_\_.
- (1) dikagumi manusia
  - (2) membiak di dalam hutan
  - (3) kehilangan tempat tinggal
  - (4) penuh dengan keistimewaan
- 22** Tujuan utama banyak hutan dimusnahkan adalah untuk \_\_\_\_\_.
- (1) mengurangkan bilangan binatang liar
  - (2) menjadikan kawasan kediaman di situ lebih baik
  - (3) dijadikan kawasan perusahaan dan tanam-tanaman
  - (4) memudahkan binatang-binatang liar untuk berpindah
- 23** Pemerintah telah mengambil langkah untuk melindungi binatang liar dengan \_\_\_\_\_.
- (1) mengadakan hutan simpanan
  - (2) mengharamkan kegiatan memburu
  - (3) mengawal pencemaran udara dan air
  - (4) mengurangkan bencana alam dan peperangan
- 24** 'Mereka' dalam perenggan kedua merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- (1) manusia
  - (2) pemburu
  - (3) banyak negara
  - (4) binatang-binatang liar
- 25** Perkataan 'kebuluran' dalam perenggan keempat bermaksud \_\_\_\_\_.
- (1) Kelaparan
  - (2) Kepapan
  - (3) Kejangkitan
  - (4) Kemudaratan

**BLANK PAGE**